



## SIARAN AKHBAR

### WAKTU OPERASI AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM DI BULAN RAMADHAN 1441H

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa, bagi menyambut kedatangan bulan Ramadhan 1441H, Pejabat AMBD akan ditutup pada hari Jumaat, 24hb April 2020 dan dibuka semula pada hari Isnin, 27hb April 2020.
2. Waktu bekerja AMBD, serta waktu operasi sistem *Real-Time Gross Settlement* (RTGS) dan sistem *Automated Cheque Clearing House* (ACH) disepanjang bulan tersebut adalah seperti berikut:

#### Waktu Bekerja

Isnin – Khamis : 8.00 pagi – 3.00 petang  
Jumaat : 7.30 pagi – 11.30 pagi

#### Sistem RTGS

Isnin – Khamis : 9.00 pagi – 2.00 petang  
Jumaat : 9.00 pagi – 11.00 pagi

#### Sistem ACH

Isnin – Khamis : 8.45 pagi – 1.40 petang  
Jumaat : 8.45 pagi – 10.50 pagi

3. AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa gangguan sementara kepada perkhidmatan-perkhidmatan awam AMBD akan dilanjutkan, seperti di bawah:

#### Biro Kredit (*Self-Inquiry Reports and Dispute Resolution*)

Ditutup. Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai boleh mengajukannya melalui emel ke [birokredit@ambd.gov.bn](mailto:birokredit@ambd.gov.bn), atau menghubungi talian 2233369 semasa waktu bekerja.

#### Galeri Mata Wang AMBD dan *Gift Shop*

Ditutup. Walau bagaimanapun, beberapa mata wang kenang-kenangan boleh diperolehi dari Pusat Kesenian dan Kraftangan Brunei dan cawangan-cawangan Aewon *Garment and Embroidery* di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Radisson Hotel Brunei.

#### Mesin Deposit Duit Syiling AMBD

Ditutup. Sebagai alternatif, orang ramai boleh membuat deposit syiling untuk dimasukkan ke dalam akaun bank melalui bank masing-masing.

#### Isu Pengguna Kewangan AMBD

Buka melalui persuratan. Orang ramai boleh menghubungi pihak Isu Pengguna Kewangan melalui emel [fci@ambd.gov.bn](mailto:fci@ambd.gov.bn) atau di talian 2380007 semasa waktu bekerja.

#### Kaunter Baki Tidak Di Tuntut (*Unclaimed Balances Counter*)

Buka melalui persuratan. Orang ramai masih boleh menghantar permohonan bagi baki yang tidak dituntut melalui emel ke [banking.ucb@ambd.gov.bn](mailto:banking.ucb@ambd.gov.bn). Maklumat lanjut mengenai proses permohonan boleh didapati melalui pautan <https://www.ambd.gov.bn/consumer/unclaimed->

[money](#). Orang ramai juga boleh menghubungi talian 2380975 semasa waktu bekerja bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenainya.

4. AMBD ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dialami dan ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan kepada semua muslimin dan muslimat.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 29 Syaaban 1441H/ 23 April 2020M

Rujukan: AMBD/COMMS/3